

KEPADA SAHABAT-SAHABATKU, SEMENANJUNG

Kita mengucapkan syukur kepada Tuhan, kerana sebahagian dari tanah air kita merdeka iaitu Indonesia.

Dengan kemerdekaan dapatlah kita kembali mengatur diri sendiri, sesudah demikian lama diatur oleh orang lain.

Kalau ada orang di semenanjung yang merasa bahawa Indonesia bukan sebahagian dari tanah airnya, tandanya ia bukan anak Melayu sejati. Sebaliknya kalau ada orang Indonesia yang merasa semenanjung bukan tanah airnya, tandanya bahawa dia pun bukan orang Indonesia sejati. Dan kalau ada orang semenanjung yang memandang ringan sahaja kemerdekaan sebahagian dari tanah airnya, tandanya pada orang ini tiadak ada semangat kebangsaan dan kalau ada orang Indonesia yang tidak ingin semenanjung merdeka, tandanya orang ini katak di bawah tempurung

Oleh Haji Abdul Malik Karim Amirullah

(HAMKA) III

Tetapi jika kita memperkatakan kemerdekaan, tidaklah mesti kita membicarakan soal-soal politik atau belumlah masanya kita membicarakan politik. Terali Besi yang menceraikan di antara semenanjung ini dengan Indonesia sangat kuatnya. Sebab itu janganlah kita mendekat terlebih dahulu kepada urusan politik. Yang terlebih mustahak daripada politik telah sedia ada iaitu kebudayaan.

Bangsa Melayu satu kebudayaannya, satu warna kulitnya, satu rumpun bahasanya dan yang terlebih penting daripada itu semuanya ialah kesatuan agamanya atau sembilan puluh peratus memeluk satu agama iaitu Islam.

Agama yang sesuai buat kita di dalam menghadapi perputaran zaman yang sangat kencang ini, lain tidak hanyalah Islam. Di zaman purbakala bangsa kita telah pernah jaya dan besar kerana Islam dan walaupun segala bangsa yang kuat dan gagah perkasa telah cuba menjajah kita, sejak daripada Portugis, Belanda, Inggeris dan Sepanyol, namun Islam belumlah pernah mati.

Kerana dijajah kita menjadi pecah belah. Sebahagian besar menjadi daerah Belanda, sebahagian lagi menjadi

jajahan Inggeris. Mindanao menjadi jajahan Sepanyol dan sebahagian kecil di tangan bangsa Portugis.

Dunia pada masa ini tidak suka lagi kepada penjajahan.

Bangsa-bangsa bersatu telah semuafakat bahawasanya penjajah wajib dihilangkan dari dunia. Tetapi menuliskan apa yang dicita-cita di atas kertas tidaklah sukar melaksanakannya. Menyatukan fikiran mungkin memakai waktu sebulan dua bulan, dan menuliskannya mungkin memakan waktu sehari dua hari. Tetapi melaksanakannya akan meminta waktu setahun dua, bahkan berpuluh-puluh tahun.

Tanah air kita, kitalah yang punya. Dan kebudayaan kita kitalah yang punya. Suatu bangsa sudah nyata tidak mahu dijajah apatahlagi bangsa yang memeluk agama tauhid, agama Islam. Oleh kerana mereka telah lama sekali melalaikan agama dan hanya memakai namanya tetapi tidak mengamalkan isinya, mudahlah negerinya diduduki bangsa asing. Kita dijajah dengan mudah kerana agama ini tidak kita pegang teguh lagi. Kalau hendak mengetahui bagaimana karutnya agama Islam yang dipakai oleh bangsa kita tatkala penjajahan mulai masuk ke tanah air kita, bacalah riwayat. Bukankah perpecahan sesama sendiri di antara kita, yang menyebabkan Melayu jatuh ?? bukankah perpecahan pemerintahan di antara Sultan Mansur Shah dengan puteranya Sultan Ahmad Shah, dan

sengketa dengan Bendahara serta Maharaja telah mengubah sendi Melaka, sehingga musuh tidak dapat ditahan lagi? Dan jika hendak mengetahui bagaimana keruhnya suasana Raja-raja Melayu di zaman permulaan penjajahan, bacalah karangan-karangan yang indah dari Abdullah bin Abdul Kadir Munshi.

Yang demikian ini bukanlah di semenanjung sahaja. Tetapi di seluruh gugusan pulau-pulau Melayu setelah serata-serata tanah air kita diduduki, maka bangsa penjajah sentiasa berusaha menghilangkan kekuatan yang ada pada kita, kekuatan kita yang sejati adalah Islam. Bertahun-tahun lamanya bangsa-bangsa itu mencuba memadamkan api Islam. Tetapi dia tidak mahu padam senjata yang mana jua pun tidak mampan buat membunuhnya. Bangsa yang paling kejam membunuh Islam ialah Portugis, yang nombor dua ialah Belanda dan yang lebih dahulu insaf akan kesalahannya ialah Inggeris: Lebih baik Islam sebagai agama tidak diperangi. Jika hilang nyalaan di luar. Dia menyala di dalam dada. Laksana api di dalam sekam, hangusnya tidak kelihatan.

Setelah nyata gagal usaha yang pertama, lalu mereka pindah kepada usaha yang kedua iaitu dengan jalan teratur dan dengan ilmu pengetahuan yang mendalam, mereka mencuba hendak menjauhkan kita daripada agama itu sendiri. Yang terlebih dahulu mereka utamakan ialah mendirikan sekolah-sekolah, kerana kita memang perlu kepada sekolah dari sedikit-sedikit demi sedikit: sehari selebar benang, lama-lama menjadi sehelai kain. Pemuda-pemuda kita dijauhkan daripada masyarakat Islam dalam hal ini tanah air kita yang dijajah Belanda lebih parah lukanya daripada yang dijajah Inggeris.

Di dalam sekolah-sekolah itu diberikanlah pandangan yang salah tentang Islam. Kesalahan-kesalahan umatnya, jumudnya, bekunya, kotornya umat Islam. Di bangsakan juga kepada Islam sehingga setelah anak itu keluar dari sekolah putuslah hubungannya dengan kaumnya, dengan masyarakatnya dengan agama dan sejarahnya ia menjadi "rancak di labuh" yang pernah di pantungkan oleh seorang pujangga Melayu Minang Dato' Paduka Alam :

Temenggung membeli padi * dijemur di atas bawak

Sinyu tanggung buyung tak jadi * apakah nama badan awak.

Dalam langkah penajahan yang kedua ini ia lebih berhasil. Kita mendapati golongan terbesar orang pandai-pandai yang kita harapkan menjadi "pemuda harapan bangsa" tetapi ia telah menubuhkan masyarakat sendiri yang terjauh dari kita. Seorang ahli pengetahuan Belanda bernama Snouck Hurgrunje berkata : "Jadikanlah mereka Belanda di Timur, sebagai kita jadi Belanda di Barat." Berhasilah maksud mereka itu telah ada dalam masyarakat kita "anak Indonesia yang lebih Belanda dari Belanda" atau "anak Melayu yang lebih Inggeris dari Inggeris."

Sahabat-sahabatku di Semenanjung! Barangkali kalau di semenanjung ada anak Melayu yang lebih Inggeris dari Inggeris waktu ini, namun kejanggalan itu masih kurang jika dibandingkan dengan jika di Indonesia masih ada yang lebih Belanda dari Belanda. Di semenanjung masih ada yang diharapkannya tetepi di Indonesia golongan ini amat besar. Golongan yang "berkedai di pekan tunggal". Jika orang yang mencintai tanah air bersyukur Belanda telah pergi mereka pun bersyukur pula. Orang yang mencintai tanah air bersukur kerana dengan kepergian Belanda itu kita telah merdeka mengatur negara sendiri. Mereka pun bersyukur kerana Belanda takada lagi. Sebab kalau Belanda masih ada mereka tidak merdeka hendak hendak jadi Belanda.

Penjajahan politik di Indonesia tidak ada lagi. Tetapi penjajahan kebudayaan masih teguh. Bahasa Belanda yang di zaman Jepun telah habis. Setelah merdeka ini lebih hebat berlipat ganda dari dahulu. Mereka benci melihat huruf Arab (huruf Melayu). Sampai pula kepada keindahan kesusteraan pusaka nenek moyang mereka dikatakan wajib di hapuskan sahaja syair, talibun, pepatah, petiuh, bidalan, gurindam semua telah lapuk- wajib diganti dengan yang baharu. Apakah yang baharu itu? Lain tidak hanyalah meniru susunan Belanda atau Anglo – Saxon !!

Penjajahan batin itu amat tajam pengaruhnya. Setelah

merdeka timbulah perasaan belum sempurna kemerdekaan itu kalau belum pandai berdansa (*ber-dansing – P*). Belum pandai mengepit pemuda dimuka umum. Sebagai juga di semenanjung, hilang jua joget lama dengan sindirin-sindiran penonton, kerana tiba joget moden, yang hanya tinggal sebarang lagi akan bertemu dada dengan dada- ada adat ganjil bangsa Barat misalnya bertanding paha betis, bertanding cantik dan genit (*gelek?-P*) mulai menggoyang jiwa pemuda bangsa. Pemuda Indonesia berkata: sebagai bangsa merdeka, kita wajib pandai berdansa, supaya duduk setaraf dengan orang asing. Dan pemuda semenanjung berkata: Lihatlah pemuda Indonesia, tirulah itu! Sebab mereka bangsa merdeka!” Datang pula filem-filem yang sangat cabul dari Mesir; telanjang bulat – hanya perlu sahaja yang ditutup kerana kalau dibuka pula tidak “bagus” lagi, itupun mulai ditiru baik di Indonesia atau di Semenanjung. Dan jika ditanya mereka menjawab: Mesir adalah Negara Islam! Dan merdeka, segala yang datang dari sana hendaklah kita tiru.”

Inilah yang kita katakan: “lebih Belanda dari Belanda” atau “lebih Inggeris dari Inggeris” sebab Belanda yang berkebudayaan tinggi dan Inggeris yang berkebudayaan tinggi atau Mesir yang berkebudayaan tinggi tidaklah menyukai ini.

Kalau kita pandang dari sudut kebudayaan, nampaklah sekarang ini pertentangan yang hebat di antara golongan yang “lebih Belanda dari Belanda” itu dengan golongan rakyat yang terbesar, yang meskipun ilmunya belum tinggi tetapi keimanannya masih teguh, dan syukurlah Negara Indonesia berdasar demokrasi, sehingga kekuatan yang hendak membelandakan Indonesia sesudah Belanda pergi itu laksana minyak dengan air sahaja dengan rakyat. Semenanjung belum merdeka dari pihak siasah tetapi ia masih ada waktu untuk menjaga kemerdekaan kebudayaan, dan hendaklah ingat betul-betul walaupun Indonesia sekarang telah kemerdekaan siasah, kalau kebudayaan Belanda masih mendalam belumlah sempurna kemerdekaan itu. Cubalah tengok Filipina, dia tidak sepayah kita mencapai kemerdekaan

sebab ia telah “pandai” hidup cara Amerika !

Syukurlah perjuangan kemerdekaan Indonesia bukan sebagai kemerdekaan Filipina, Indonesia mendapatnya adalah dengan perjuangan, dengan keteguhan iman. Di waktu hebat revolusi yang menjadi teras dan inti perjuangan adalah orang-orang yang kuat iman. Yang berdiri di muka medan pertempuran ialah pemuda-pemuda yang suci batinnya di bawah pimpinan yang teguh agamanya. Terutamanya Bung Karno, Bung Hatta, Bung Nasir dan lain-lain. Orang yang “lebih Belanda dari Belanda” pada masa itu kalau ia tinggal di daerah Republik hanyalah menjadi alat-alat kantor (*pejabat-p*). Dan kalau Belanda masuk mereka pun “menyerang ke pihak musuh, dan setelah kemerdekaan diakui dan kedaulatan diserahkan merekalah yang banyak tampil ke muka, sebab mereka memang pintar. Tetapi kelak kemudian hari, kalau ada pula bahaya datang, yang akan bertahan teguh hanyalah orang yang kuat iman juga.

Al-Hasil – kalau kita memandang dari segi kebudayaan belumlah ada Negara Islam yang sebenar merdeka. Sebelum mereka kembali kepada ajaran agamanya yang sejati perjuangan ini wajib diteruskan.

Terhadap pemuda-pemuda di semenanjung kita serukan: Syukurlah kemerdekaan Indonesia, kerana dengan kemerdekaan politik itu sebahagian dari tanah airmu telah maju selangkah. Tauladanlah kelebihan mereka mana yang patut ditauladani, tetapi tidaklah segala yang datang dari Indonesia itu patut diteladan semua. Tetapi pandai-pandailah menyaring dan menapis- kalau terdapat buruk yang kacuk janganlah itu sehingga sudah disukai oleh seluruh saudaramu di Indonesia. Di Indonesia masih ada golongan yang tidak sampai “mabuk” oleh merdeka ini tetapi sentiasa tetap berusaha berikhtiar dan melangkah kepada yang lebih sempurna masih ada dan masih besar golongan yang tetap bercita-cita dan berusaha supaya kemerdekaan Indonesia itu tetap berjiwa Islam – sebab hanya Islamlah agama yang dapat menjadi pelita jiwa menghadapi pergolakan zaman.